

BAB 3

LATAR BELAKANG MANUSKRIP HIKAYAT

MUKJIZAT NABI

3.0 Pendahuluan

Penulisan manuskrip dalam Kesusasteraan Melayu Lama adalah penting untuk menyebarkan Islam kepada orang-orang Melayu pada zaman lampau. Justeru, lahirlah banyak manuskrip yang berkisarkan ajaran-ajaran Islam. Namun, cerita-cerita tentang Nabi Muhammad S.A.W dikatakan sebagai karya paling tua usianya jika dibandingkan dengan karya-karya lain. Ini kerana cerita-cerita seumpama ini muncul bersama-sama kedatangan agama Islam ke daerah nusantara. Ini selari dengan apa yang digambarkan oleh Windstedt:

“As we have seen already, a Muslim colour was given to Hindu romances partly to save them from the Muslim index, partly to employ them as a popular means as spreading the doctrine of the new faith. But earlier still the first missionaries had to provide Muslim romances to take the place of the Malay versions of Mahabhrata and Ramayana(versions that if not written down lived on the screen of the shadow-play). So, it is not surprising to find that the story of Alaxender the Great as a warrior missionary of the faith of Abraham, the precursor of Muhammad, must have reached the Malays almost with the coming of Islam.”²¹¹

Cerita-cerita tentang Nabi Muhammad ini memaparkan ketokohnya, sifat-sifatnya yang ideal sebagai pesuruh Allah dan sebagainya di mana ia disadur oleh penulis-penulis Islam setempat daripada kesusasteraan Arab dan Parsi.²¹² Contohnya ialah *Mawlid al-Nabi* diterjemahkan sebagai cerita-cerita kelahiran Nabi Muhammad, *Ziwāj al-Sayyidah Khadijah bi al-Nabi* (Riwayat Perkahwinan

²¹¹ R.O Windstedt (1969), *A History of Classical Malay Literature*, K.L, Oxford University Press, h. 85.

²¹² Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Gani (2002), *op. cit.*, h. 18.

Sayyidah Khadījah dengan Nabi), *Qiṣṣah Inshiqāq al-Qamar* (Cerita Bulan Berbelah), *Waṣīyah al-Nabī li Ibnatihi Fāṭimah* (Wasiat Nabi kepada Puterinya Fatimah) dan sebagainya.²¹³ Cerita-cerita ini pula boleh dibahagikan kepada lima tema. Pertama ialah cerita bertemakan kelahiran Nabi. Contohnya ialah *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Kejadian Baginda Rasulullah*, *Cerita Nabi Lahir* dan *Hikayat Khatim al-Nabi*. Kedua, cerita bertemakan mukjizat Nabi iaitu *Hikayat Bulan Berbelah*,²¹⁴ *Hikayat Nabi Bercukur*²¹⁵ dan *Hikayat Mi‘rāj Nabi*. Ketiga, cerita bertemakan kewafatan Nabi iaitu *Hikayat Nabi Wafat*. Keempat, cerita bertemakan peperangan Nabi yang terdiri daripada *Hikayat Nabi Muhammad*, *Hikayat Pendeta Rahib*, *Hikayat Raja Khandak*, *Hikayat Raja Lahad* dan sebagainya. Kelima, cerita bertemakan pengajaran Islam iaitu *Kitab Soalan Abdullah*, *Hikayat Seribu Masalah* dan sebagainya. Kesemuanya mempunyai beberapa tujuan untuk mengagungkan Nabi Muhammad S.A.W sebagai Nabi yang terakhir.²¹⁶ Manakala, kebanyakan cerita-cerita tersebut dibacakan orang sempena peristiwa bersejarah dalam Islam seperti *Mawlid al-Nabī*, awal tahun Hijrah, Malam *Mi‘rāj al-Nabī* dan sebagainya.²¹⁷

3.1 MANUSKRIP HIKAYAT BULAN BERBELAH

Hikayat ini dikenali juga sebagai *Hikayat Mukjizat Nabi*. Salinan naskhahnya tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda, Perpustakaan di Berlin,

²¹³ Salbarina bt. Basiron (2004), *op. cit.*, h. 7.

²¹⁴ Cerita ini telah digubah oleh tukang cerita berasaskan kepada beberapa ḥadīth Nabi yang diriwayatkan oleh Imām al-Bukhāri, al-Tirmidhī, Muslim dan al-Nasā’ī. Rujuk Ismail Hamid (1982), *op. cit.*, h. 3.

²¹⁵ Menurut Ismail Hamid, cerita ini tidak mempunyai rujukan dari sejarah Islam dan ia merupakan ciptaan tukang-tukang cerita yang berkembang dalam tradisi lisan. *Ibid.*, h. 4.

²¹⁶ Salbarina bt. Basiron (2004), *op.cit.*, h. 17-22.

²¹⁷ Ismail Hamid (1985), “Kesenambungan Sastera Islam dari Zaman Klasik-Moden di Malaysia” (Simposium Sastera Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 6.

Muzium Nasional Jakarta, Indonesia dan Perpustakaan Negara Malaysia.²¹⁸ Adapun manuskrip yang diperolehi daripada Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai beberapa versi iaitu MSS 2706(B),²¹⁹ MSS 3016(A),²²⁰ MSS 3472(A),²²¹ dan MSS 2765(C)²²². Namun, penulis hanya mengkaji naskhah MSS 2706(B) sebagai sampel kajian ini. Manuskrip-manuskrip ini mengandungi kandungan yang sama iaitu menceritakan tentang salah satu mukjizat Nabi Muhammad S.A.W di mana Raja Habib bin Malik ingin melihat mukjizat Nabi. Dengan perintah Raja Habib, Nabi Muhammad hadir ke sebuah padang, kemudian Baginda memanggil bulan turun dari langit dan memasuki lengan bajunya. Apabila bulan itu keluar, ia berpecah menjadi dua dan mengucapkan syahadah. Kemudian bulan itu bersatu semula dan kembali ke langit. Justeru itu, Raja Habib berasa kagum di atas peristiwa itu, lalu baginda dan semua orang besar di negeri Mekah menganut Islam.²²³

Mengenai pengarang naskhah, tidak dinyatakan. Namun telah dinyatakan tempat di Bandar Nakra' Singapura pada 18 Muharram 1338 H iaitu di tempat cap Muhammad Idris Kampung Ajilin bersamaan 13 Oktober 1919M. Ketiadaan nama pengarang atau penyalin manuskrip adalah perkara biasa. Ini disebabkan beberapa faktor.

²¹⁸ Ismail Hamid (1983), *op. cit.*, h. 32.

²¹⁹ Manuskrip ini akan dikaji oleh penulis.

²²⁰ Manuskrip ini tidak lengkap. Ia ditulis dengan dakwat berwarna hitam dan merah. Setiap helaian mempunyai kesan terkoyak.

²²¹ Manuskrip ini tidak lengkap dan terdapat helaian kertas yang berceraai dan terkoyak. Ia mempunyai 38 halaman dan mempunyai rubrikasi yang berbentuk daun. Ia selesai dikarang pada 11 Rabi' al-Akhīr 1288H/ 29 Jun 1871M.

²²² Penulis tidak menjumpai manuskrip ini di Perpustakaan Negara Malaysia tetapi hanya menjumpai maklumat di katalog. Nama manuskrip tersebut ialah *Hikayat Mukjizat Nabi* yang mempunyai 10 helaian. Rujuk Katalog Tambahan Kedua, h.107.

²²³ Rujuk Katalog Tambahan Kedua, h. 70.

Faktor pertama, Kesusasteraan Melayu Lama tidak dianggap sebagai hak cipta perseorangan, bahkan ia dianggap sebagai milik masyarakat yang merupakan hak kepandaian bersama.²²⁴ Salah satu daripada tanda yang menunjukkan karya tersebut adalah ciptaan milik bersama ialah pengarang tidak menyebut namanya, tetapi menyebutkan diri sebagai “*Ṣāhib al-Hikāyat*”, “*al-Rāwī*”, “yang empunya cerita”, dan sebagainya.²²⁵ Justeru itu, masyarakat tidak perlu mengetahui siapa pengarang sesebuah manuskrip itu kerana perkara yang diutamakan ialah keindahan susunan kata-kata dan cerita yang boleh menyenangkan hati sahaja.²²⁶ Masyarakat juga bebas menambah, mengurangi dan memperbaiki sesuatu hasil karya kerana ia adalah milik bersama.²²⁷ Selain itu, mereka mempunyai sifat rendah diri dan tidak mahu menonjolkan diri.²²⁸ Menurut Ismail Hamid, jika tulisan itu untuk pengajaran Islam, ia tidak akan disebut nama pengarang kerana mereka menganggap tulisan tersebut sebagai amal jariah dan mereka hanya mengarang untuk berdakwah serta mengharap pahala.²²⁹

Faktor kedua, jika ia diletakkan nama pengarang juga, maka ia bukanlah hak cipta yang asli kerana pada zaman dahulu belum terdapat alat-alat cetakan dan kerja menyalin dan menurunkan sesuatu cerita memang ada dan ia tidaklah menjadi satu kesalahan. Justeru itu, pada masa seseorang itu menyalin dan menurunkan sesuatu

²²⁴ A. Samad Ahmad (1974), *Sejarah Kesusasteraan Melayu 1*, c. 7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 63.

²²⁵ Ding Choo Ming (2003), *op. cit.*, h.78.

²²⁶ A. Samad Ahmad (1974), *op.cit.*, h. 63.

²²⁷ ‘Abd al-Rahmān al-Aḥmadī et al. (1997), *Tradisi penulisan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 185.

²²⁸ Rohaya Md Ali (2002), “*Hikayat Nabi Sulayman: Transliterasi dan Analisis Teks*” (Disertasi, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), h. 59.

²²⁹ Ismail Hamid (1990), *op. cit.*, h. 70.

cerita, keraplah terjadi perubahan daripada bentuk asal sama ada penambahan atau pengurangan mengikut selera penyalin tersebut.²³⁰

Tambahan pula, sistem pemerintahan zaman dahulu adalah berbeza dengan zaman sekarang, di mana raja mempunyai hak yang mutlak ke atas rakyat. Oleh itu, setiap pengarang haruslah berhati-hati dengan setiap apa yang dikarangnya.²³¹ Terdapat juga hikayat-hikayat atau syair klasik Melayu yang mengandungi nama pengarangnya, tetapi kerap pula nama pengarang itu menimbulkan kekeliruan antara sebuah naskhah dengan naskhah yang lain. Sebagai contoh, dalam *Hikayat Birma Shah* terdapat dua pengarang yang ditulis dalam naskhah tersebut. Dalam naskhah yang pertama, ia menyebut pengarangnya adalah Shaykh Abū Bakar bin Omar, berumur 128 tahun dan hidup pada zaman Nabi Nuh. Tidak disebut tarikh bila dikarang. Naskhah kedua pula, iaitu naskhah Leiden dan naskhah Raffles, nama pengarangnya dinyatakan sebagai Shaykh Ibn Abū Bakar.²³²

Selain itu, terdapat juga perbezaan pada nama sesuatu hikayat atau syair, tetapi kandungan isinya hampir sama dan ada yang tiada beza. Contohnya ialah *Hikayat Indra Putera* di mana ia juga dinamakan sebagai *Hikayat Puteri Jaya Pati* atau *Hikayat Indra Jaya Pati*. Dan antara kedua-duanya, tidak dapat dikesan yang mana satu karya yang lebih awal dikarang, tetapi cerita-cerita yang bercorak Hindu itu sudah banyak memakai nama Arab atau campuran Hindu Arab seperti Chandra Nur, Mauk Indra dan Paduka Seri Sultan Putera Jaya Pati Sifat ‘Alauddin Shah sebagai pengganti nama Maharaja Bikrama Indra Dewa dan sebagainya.²³³ Contoh

²³⁰Darus Ahmad (1965), *op. cit.*, h. 111.

²³¹A. Samad Ahmad (1974), *op.cit.*, h.63.

²³²Darus Ahmad (1965), *op.cit.*, h. 112.

²³³*Ibid.*, h. 112 & 113.

lain ialah *Hikayat Shah Kobad* dinamakan juga *Shah al-Kamar*. Terdapat juga hikayat-hikayat klasik yang mempunyai dua nama iaitu Arab dan Hindu. *Hikayat Mara Karma* dikenali dengan *Hikayat Si Miskin*. *Hikayat Indera Jaya* atau *Bikrama Datia Wijaya* pula dinamai juga *Shahi Mardan* dan *Hikayat Serangga Bayu* lebih dikenali sebagai *Hikayat Ahmad Muhammad*.²³⁴


Naskhah ini masih dalam keadaan baik kerana ia ditulis dalam kertas yang berbentuk buku latihan. Dalam naskhah ini, ia dinamakan *Hikayat Mukjizat Nabi* dan digabungkan dengan naskhah *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Nabi Wafat* di mana kesemuanya mempunyai 52 halaman. Manakala *Hikayat Bulan Berbelah (Hikayat Mukjizat Nabi)* mempunyai 22 halaman iaitu bermula dari halaman 10 sehingga 32. Namun, halamannya ditulis dengan tulisan rumi sehingga halaman 21 sahaja serta tidak teratur halamannya. Kemudian, halaman 53 sehingga 61 ditulis syarah doa ‘Arash serta kelebihannya yang *dinaqalkan* daripada perkataan Imam Qalyūbi dalam kitabnya, “*Al-Nawādir*”. Seterusnya, pada halaman 60 sebelah kiri adalah kosong. Kertasnya pula tidak mempunyai *rubrikasi* atau tidak bercorak, namun hanya digariskan supaya ia nampak kemas dan mudah dibaca.

Naskhah ini berukuran 20.5 cm x 16.5 cm. Pada halaman pertama, ia mempunyai 10 baris dan 3 baris sebelumnya adalah berkaitan *Hikayat Nur Muhammad* dan seterusnya mempunyai 16 baris. Manakala halaman terakhir mempunyai 6 baris dan 7 baris selepasnya menceritakan *Hikayat Nabi Bercukur*. Ia ditulis dengan tulisan jawi lama dengan menggunakan dakwat berwarna hitam bagi

²³⁴ Annas Haji Ahmad (1968), *Sastera Melayu Lama dan Baru*, c.2, Pulau Pinang: Sinaran Bros Sdn. Bhd., h. 87.

keseluruhan teks. Dakwat hitam ini adalah dakwat yang paling digemari sejak dahulu sehingga sekarang untuk menulis dan mencetak.²³⁵ Tulisannya pula kemas dan konsisten.

Selain itu, naskhah ini mempunyai kolofon²³⁶ yang ditulis seperti berikut:




3.1.1 Metode Pengarang Manuskrip *Hikayat Bulan Berbelah*

Pengarang manuskrip ini memulakan cerita dengan kata-kata pujian, iaitu: “*Bismi Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm wa bihi Nasta‘īn bi Allāh,*” kemudian menyatakan tajuk hikayat: “*Inilah Hikayat Bulan Belah Mukjizat Baginda Rasulullah S.A.W...*” Seterusnya, penulis mendapati manuskrip ini banyak menggunakan perkataan Bahasa Arab seperti “*Khātīm al-Anbiyā’, Muḥammad Amīn Allāh, Nubūwwah Nabi, Ḥisiyyan, Mashghūlnya*” dan sebagainya. Ini disebabkan kebanyakan hikayat adalah bersumberkan Arab-Parsi.

²³⁵ Wan Ali Hj. Wan Mamat (1988), *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15.

²³⁶ Kolofon bermaksud lambang penerbit pada buku atau petunjuk pada bahagian akhir buku tentang nama penerbit, waktu terbit, dan sebagainya. Rujuk Hajah Noresah bt Baharom *et al.* (2007), *op. cit.*, h. 806.


Manakala dari segi tulisannya pula, terdapat juga perkataan yang susah untuk difahami. Contohnya ialah perkataan ibu bapamu (ايوبفأمو), hulubalang (هليلنج), segala (سكل), kerana (كارن) dan sebagainya. Oleh itu, perkataan-perkataan tersebut perlu dibaca dengan teliti supaya tidak salah dalam memahaminya. Selain itu, penulis mendapati bahawa manuskrip kesusasteraan Melayu Lama mempunyai ciri-ciri bahasa tersendiri dan inilah yang membezakan gaya bahasa²³⁷ klasik dan gaya bahasa moden. Buktinya ialah pengarang manuskrip ini telah menggunakan ayat yang panjang tanpa perenggan serta tidak meletakkan noktah atau tanda penghubung kata yang lain seperti koma, noktah bertindih dan sebagainya. Contohnya seperti ayat berikut:




(MSS 2706 B, h. 15)

Walaupun begitu, pengarang manuskrip ini telah meletakkan kata penghubung bagi ayat-ayat yang panjang seperti perkataan “maka” dan “dan”. Seterusnya, pada halaman 17, pengarang telah mengulangi perkataan pada akhir ayat iaitu perkataan “kuda”, dan pada halaman 18, pengarang memulakan kalimah dengan perkataan “kuda” juga untuk menunjukkan kesinambungan halaman sebelum dan selepasnya. Contohnya seperti berikut:

²³⁷ Rujuk Ismaid Hamid & Wahyunah Abd. Ghani (2002), *op. cit.*, h. 157.




(MSS 2706(B), h. 18)



(MSS 2706(B), h. 17)

Pada akhir halaman pula, pengarang mengakhiri karangannya dengan kata-kata pujian kepada Allah dan Nabi Muhammad S.A.W dan menyeru supaya kita membaca al-Fātiḥah kepada Nabi Muhammad S.A.W serta berdoa agar ditetapkan iman sehingga akhir hayat.



(MSS 2706(B), h. 32)

3.1.2 Sinopsis Manuskrip *Hikayat Bulan Berbelah*

Manuskrip ini menceritakan Raja Habib bin Malik ingin melihat mukjizat Nabi Muhammad S.A.W yang mengatakan Baginda adalah Nabi terakhir dan penghulu segala Nabi. Justeru itu, beliau dan pembesar-pembesar negeri serta seluruh rakyat telah berkumpul di Padang Abtah untuk melihat mukjizat tersebut. Lalu, beliau memerintahkan supaya Nabi Muhammad menunjukkan mukjizatnya dengan memanggil bulan datang kepadanya dan mengucapkan kalimah syahadah dengan kuat supaya didengar oleh semua yang hadir tersebut. Kemudian suruhlah ia masuk ke dalam tangan baju kanan dan keluar melalui tangan baju kiri Baginda dan seterusnya kembali ke bulan. Setelah itu, Nabi pun melakukan seperti mana yang

disuruhnya. Maka, Raja Habib dan sekaliannya memeluk Islam kecuali Abu Jahal dan keluarganya. Dan untuk memperkukuhkan keyakinannya terhadap mukjizat Nabi, Raja Habib memerintahkan supaya Nabi menyembuhkan anaknya yang tidak mempunyai kaki dan tangan. Dengan izin Allah, anak tersebut telah sembuh dari penyakitnya. Kemudian, Raja Habib pun menghantar hadiah kepada Nabi sebagai balasan kebbaikannya.²³⁸

3.2 MANUSKRIP *HIKAYAT NABI BERCUKUR*

Manuskrip ini juga mempunyai beberapa versi iaitu MSS 2279,²³⁹ MSS 2358(A),²⁴⁰ MSS 2390(B),²⁴¹ MSS 2706(C),²⁴² MSS 2765(D),²⁴³ MSS 2901(A)²⁴⁴ dan MSS 3472(B).²⁴⁵ Kesemuanya menceritakan tentang mukjizat Nabi Muhammad

²³⁸ Rujuk Manuskrip *Hikayat Bulan Berbelah*, PMM-PMN, MSS 2706(B), h. 10-32.

²³⁹ Naskhah ini adalah tidak lengkap dan tidak berjilid. Ia mempunyai 54 halaman yang berukuran 10.5 x 7.5 sm serta mempunyai 6-10 baris. Manakala, ia menggunakan Kertas laid Eropah berkeadaan agak rapuh berwarna putih kekuningan dan mempunyai tera air "ALMASSO". Tulisannya pula adalah kecil dan sukar dibaca serta tidak kemas dan tidak konsisten dengan menggunakan dakwat berwarna hitam. Mempunyai rubrikasi pada beberapa huruf dan ayat Bahasa Melayu yang tertentu, perkataan dan bahasa Arab. Selain memuatkan kisah Nabi bercukur, ia juga mengandungi pelbagai mohor nubuwah dan doa. Rujuk Katalog Utama, h. 29 dan 30.

²⁴⁰ Ia mempunyai 7 halaman di mana ia menceritakan peristiwa Nabi Muhammad dicukur oleh malaikat Jibril. Ia juga menerangkan ganjaran yang akan diperolehi oleh sesiapa yang membaca, mendengar dan menyimpan cerita ini. Ia adalah lengkap, namun penulis tidak menjumpai naskhah ini di Perpustakaan Negara Malaysia. Penulis hanya merujuk Katalog Utama halaman 77 untuk mendapatkan maklumat mengenainya.

²⁴¹ Naskhah ini adalah lengkap dan mempunyai 12 halaman. Tulisannya kemas dan konsisten. Ditulis dengan dakwat berwarna hitam dan merah. Dakwat merah hanya ditulis sabda Nabi, kata penghubung seperti 'dan', 'setelah itu' dan sebagainya. Terdapat kesan tompokan air pada kertas, namun masih dapat dibaca.

²⁴² Manuskrip ini adalah manuskrip yang akan penulis kaji.

²⁴³ Penulis tidak menjumpai naskhah ini, namun ia hanya dinyatakan pada katalog bahawa ia mempunyai 11 halaman.

²⁴⁴ Ia lengkap dan mempunyai 15 halaman. Tamat disalin pada hari Jumaat, 29 Rabi' al-Akhir 1209H (23 November 1794M). Ia ditulis atas buku kecil dengan dakwat berwarna hitam dan terdapat kesan tompokan air, namun masih dapat dibaca.

²⁴⁵ Ia adalah lengkap. Mempunyai 10 halaman berukuran 12 x 18 cm dan mempunyai 7-15 baris. Kertas yang digunakan adalah kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan, bertompokan kesan terkena air dan kebanyakan halaman telah bercerai. Bertera air "Singa bermahkota di dalam bulatan bergaris tiga dan bermahkota". Manakala tulisannya kemas, menarik dan konsisten di mana ia menggunakan dakwat berwarna hitam. Ia juga mempunyai hiasan berbentuk kubah serta

S.A.W di mana Baginda telah dicukur oleh Jibril di atas perintah Allah S.W.T. Menurut Windstedt, hikayat ini juga terdapat dalam Bahasa Jawa, Sunda, Aceh, Bugis dan Makasar.²⁴⁶ Ia tidak terdapat dalam daftar Werndly, namun masyarakat Melayu mengenali *Hikayat Nabi Bercukur* ini melalui teks Sulaymān Mar'ī dalam tulisan Jawi yang banyak terdapat di kedai yang menjual kitab-kitab agama.²⁴⁷ Penulis hanya akan mengkaji naskhah MSS 2706(C) sebagai sampel kajian. Naskhah ini adalah bergabung dengan naskhah *Hikayat Bulan Berbelah* MSS 2706(B) yang menjadi sampel kajian penulis juga.

Pengarang naskhah ini tidak dinyatakan, namun ia telah dinyatakan tempatnya di Bandar Nakra' Singapura pada 18 Muharram 1338H iaitu di tempat cap Muhammad Idris Kampung Ajilin bersamaan 13 Oktober 1919M. Naskhah ini digabungkan dalam satu buku bersama dengan *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Mukjizat Nabi (Hikayat Bulan Berbelah)*, dan *Hikayat Nabi Wafat*. Ia masih dalam keadaan baik dan tidak terkoyak. Ia mempunyai tujuh halaman iaitu dari halaman 32 sehingga halaman 38. Halaman pertama mempunyai tujuh baris (kiri) dan halaman sebelumnya menceritakan *Hikayat Mukjizat Nabi (Hikayat Bulan Berbelah)* yang mempunyai enam baris. Halaman seterusnya pula mempunyai 16 baris dan halaman terakhir mempunyai dua baris dan selepasnya 11 baris yang menceritakan *Hikayat Nabi Wafat*.

Naskhah ini berukuran 20.5 cm x 16.5 cm. Pada halaman pertama, ia mempunyai tujuh baris dan enam baris sebelumnya adalah berkaitan *Hikayat*


dihiasi corak bermotif bunga dan berdaun berwarna hitam dan putih di f.1r. dan f.20r. Berjilid dan dibaluti dengan kulit berwarna coklat kehitaman. Rujuk Katalog Tambahan Keempat, h.231.

²⁴⁶ R.O Windstedt(1969), *op.cit.*, h. 104

²⁴⁷NorHayati Abdul Rahman(1995), “ Muswaddah: Koleksi Tambahan Cerita-cerita Nabi Muhammad S.A.W”, *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 4, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 95& 96.

Mukjizat Nabi (Hikayat Bulan Berbelah) dan seterusnya mempunyai 16 baris. Manakala halaman terakhir mempunyai dua baris dan 11 baris selepasnya menceritakan *Hikayat Nabi Wafat*. Ia ditulis dengan tulisan jawi lama dengan menggunakan dakwat berwarna hitam bagi keseluruhan teks. Tulisannya pula kemas dan konsisten.

Naskhah ini juga mempunyai kolofon yang sama dengan *Hikayat Mukjizat Nabi (Hikayat Bulan Berbelah)* disebabkan kedua-duanya ditulis dalam satu manuskrip. Kolofonnya adalah seperti berikut:



3.2.1 Metode Pengarang Manuskrip *Hikayat Nabi Bercukur*

Metodenya adalah sama dengan *Hikayat Mukjizat Nabi (Hikayat Bulan Berbelah)* kerana pengarangnya adalah sama. Pengarang memulakan karangannya dengan puji-pujian, “*Bismi Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm wa bihi Nasta‘īn bi Allāh,* kemudian menyatakan tajuk hikayat, iaitu: “*Inilah Hikayat Nabi Allah Bercukur...*” Seterusnya, pengarang menerangkan fadhilat bagi sesiapa yang mendengar dan membaca hikayat ini akan diampunkan segala dosanya oleh Allah S.W.T.

Dalam naskhah ini juga, pengarang banyak menggunakan perkataan bahasa asing iaitu bahasa Arab. Contohnya perkataan “*Qur’ān al-Majīd*” (قرآن المجید), hatta (حتى) dan sebagainya. Terdapat juga bahasa kesusasteraan Melayu Lama seperti tuan hamba, tatkala dan sebagainya. Seterusnya, pengarang turut menggunakan bentuk dialog dalam karangannya. Contohnya pada halaman pertama dan kedua manuskrip ini:

“Maka ia pun bertanya kepada Abū Bakar Ṣiddīq R.A bertanya Apalah kiranya peri kemuliaan mukjizat Nabi Allah bercukur itu...” Maka ujar Abū Bakar Ṣiddīq R.A demikian bunyinya Hai Mukmin yang percaya akan Allah Ta’ala jika tuan hamba hendak mendengar peri ia kemuliaan mukjizat Nabi Allah bercukur itu...”

Pada akhir karangan, pengarang mengakhirinya dengan kalimah “ *Waṣalla Allāh ‘alā Khayr Khalqih Muḥammad wa Ālih wa Ṣaḥbih Ajma’in, āmin.*”

3.2.2 Sinopsis Manuskrip *Hikayat Nabi Bercukur*

Hikayat ini menceritakan ketika Nabi Muhammad kembali dari berperang dengan Raja Lahad pada hari Isnin, 19 Ramadhan, Baginda S.A.W dibawa oleh Jibril dan diperintahkan untuk bercukur. Setelah itu, Nabi bertanya beberapa soalan kepada Jibril. Antaranya ialah di hadapan siapa Baginda akan bercukur, siapa yang akan menyukurkannya serta kopiah apa yang akan dipakaikannya setelah selesai bercukur. Kemudian, Jibril pun bermunajat kepada Allah, lalu Allah memerintahkan supaya Jibril mengambil daun kayu Tuba di dalam syurga untuk membuat kopiah tersebut. Manakala Baginda akan dicukur oleh Jibril sendiri di hadapan cahaya

dirinya. Selepas bercukur, Jibril menyuruh anak-anak bidadari supaya turun ke dunia untuk mengutip rambut Nabi yang telah dicukur dan diikat di lengan sebagai azimat.

3.3 MANUSKRIP *HIKAYAT MI'RĀJ NABI*

Manuskrip ini juga mempunyai banyak versi iaitu MSS 2547,²⁴⁸ MSS 3024,²⁴⁹ MSS 3411²⁵⁰ dan MSS 2546.²⁵¹ Namun, penulis hanya akan mengkaji naskhah MSS 3411 yang diambil daripada Perpustakaan Negara Malaysia. Naskhah ini mengisahkan perjalanan Nabi Muhammad S.A.W naik ke langit. Selain itu, hikayat ini juga terdapat di Perpustakaan Leiden dan Perpustakaan Lembaga

²⁴⁸ Naskhah ini lengkap di mana mempunyai 27 halaman yang berukuran 21.5 x 15.5 cm dan mempunyai 21 baris. Kertas yang digunakan ialah kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan di mana ia kotor dengan tompokan kesan kena air namun masih berkeadaan baik. Terdapat 3 Kuras berjahit dan dibalut dengan kulit yang diperbuat daripada kertas tebal berwarna coklat. Bertera air: i) Bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai. ii) AG. Menggunakan dakwat berwarna hitam dan mempunyai rubrikasi pada perkataan Bahasa Melayu yang tertentu, ayat Bahasa Arab, firman Allah Ta'ala dan tasbih. Ada juga perkataan yang ditulis menggunakan dakwat berwarna merah. Manakala tulisannya kemas, menarik dan konsisten. Selain itu, di dalam hikayat ini mempunyai perawi, antaranya ialah 'Abd al-Mazhar Ibn al-Fatāh daripada Abī Hārūn Ibn al-Ḥusaynī daripada Ja'far Šādiq R.A daripada Ibn Zakaria daripada Ibn 'Abbās Ibn 'Abd al-Muṭalib daripada Isrāfil Ibn Yūsuf.

²⁴⁹ Ia tidak lengkap. Mempunyai 35 halaman yang berukuran 20.8 x 15.5 cm, 9 baris di ff. 1v.-35v. Menggunakan kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan serta terdapat kesan kekotoran akibat terkena air di sekeliling kertas setiap halaman. Terdapat kulit depan berkertas nipis berwarna merah namun tiada kulit belakang. Bertera air: i) Imperial Paper Mills C.L. ii) Calcutta. iii) Perisai dengan hiasan yang tidak jelas kelihatan dan mahkota di bahagian atas. Ia menggunakan dakwat berwarna hitam serta mempunyai rubrikasi bagi sesetengah perkataan bahasa Melayu, ayat al-Qur'ān dan Hadis Nabi S.A.W. Tulisannya pula kemas dan konsisten menggunakan khat jenis Riq'ah. Terdapat hiasan di ff. 1r., dan cap mohor yang tertulis Sultan Hamid bin Sultan Osman al-Qadrī Puntianak 1371. Terdapat kulit depan berkertas nipis berwarna merah namun tiada kulit belakang.

²⁵⁰ Manuskrip ini adalah sampel kajian penulis.

²⁵¹ Ia dinamakan "*Kifāyah al-Muḥtāj fī Isrā' wa al-Mi'rāj*". Ia mempunyai 21 halaman yang berukuran 25 x 17.6 cm dan mempunyai 21 baris. Ia adalah milik Haji Ahmad bin Wan Abdullah Faṭānī. Kertasnya ialah kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan dan masih berkeadaan baik, namun terdapat juga helaian kertas yang terkoyak. Tera air: i) Bulan sabit berprofil manusia di dalam perisa. ii) 2 Kepala burung, mahkota di atasnya, perisai di tengah, pedang di sisi kanan dan kiri, huruf FNF di bawah. Ia ditulis dengan dakwat berwarna hitam di mana tulisannya kemas, menarik dan konsisten. Rubrikasi pada perkataan Bahasa Melayu yang tertentu, ayat Bahasa Arab, firman Allah dan sabda Nabi. Tidak berjilid, dan mempunyai 2 kuras yang berceraian. Selesai ditaswid oleh Daud bin Abdullah daripada risalah Najmuddin al-Ghayṭī dan syarahan Ahmad Shahab al-Dīn al-Qalyūbī pada hari Selasa antara waktu zuhur dan Asar, 27 Muharram 1224H (14 Mac 1809M) di Mekah. Rujuk Katalog Utama, h. 100 & 101.

Indonesia. Ia dikenali dengan *Hikayat Mukjizat Nabi*, tetapi ceritanya tidak sama seperti *Hikayat Bulan Berbelah* yang juga dikenal dengan *Hikayat Mukjizat Nabi*.²⁵²

Sebenarnya, terdapat sumber inspirasi kepada penulis Islam untuk menulis manuskrip *Hikayat Mi'raj Nabi* iaitu Surah al-Isrā' ayat 1-2:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى
الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾ وَآتَيْنَا مُوسَى
الْكِتَابَ وَجَعَلْنَاهُ هُدًى لِبَنِي إِسْرَائِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا مِنْ دُونِي وَكَيْلًا ﴿٢﴾

Maksudnya: “Maha suci Allah Yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqṣā (di Palestin), Yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.(1) Dan Kami telah memberikan Nabi Musa Kitab Tawrat, dan Kami jadikan Kitab itu petunjuk bagi Bani Israil (serta Kami perintahkan mereka): "Janganlah kamu jadikan Yang lain daripadaku sebagai Tuhan (untuk menyerahkan urusan kamu kepadaNya)".(2)

Surah al-Isrā'(15):1-2

Antara penulis Islam tersebut ialah Al-Ghaytī, di mana dia merupakan orang pertama yang menulis hikayat ini dan diteruskan serta dihuraikan dengan jelas oleh Dradir (w. 1786) dan Barzanji (w. 1765). Manakala Gibb dan Kramer menjelaskan bahawa karangan Arab ini menjadi sumber hikayat yang sama dalam Kesusasteraan Parsi, Turki, India dan Melayu. Dalam versi Melayu, ia diberi nama “*Hikayat Nabi Mi'raj*.”²⁵³

²⁵²Nor Hayati Abdul Rahman (1995), *op.cit.*, h. 96

²⁵³Mustafa Haji Daud (1994), *op. cit.*, h. 107.

Peristiwa *Isrā'* dan *Mi'rāj* telah berlaku selepas tiga tahun Nabi diangkat oleh Allah menjadi Rasul. Peristiwa ini telah termaktub di dalam Al-Qur'ān dan juga dalam ḥadīth. Ia kemudiannya ditulis dalam bentuk cerita oleh penulis-penulis Islam seperti al-Ghayṭī dan Barzanji.²⁵⁴ Cerita ini telah disalin ke dalam pelbagai bahasa seperti Parsi, Turki, Hindustan dan bahasa Melayu. Ia juga telah mempengaruhi kesusasteraan Eropah.²⁵⁵ Menurut M.S. Placios, *The Divine Comedy* yang dikarang oleh Dante, iaitu seorang pujangga agung dari Eropah sebenarnya telah dipadankan daripada cerita *Mi'rāj* di dalam agama Islam,²⁵⁶ iaitu karya ini mengisahkan tentang pengembaraan pengarang ke alam akhirat dan ia dianggap sebagai suatu karya dunia yang teragung.²⁵⁷

Adapun di dalam kesusasteraan Melayu Lama, terdapat hikayat yang digubah oleh penulis-penulis Melayu menjadikan suatu hikayat bercorak Islam. Antaranya ialah *Hikayat Nabi Mi'rāj* (Ms Cod. Or 1713) yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden.²⁵⁸

Peristiwa *Isrā'* *Mi'rāj* ini merupakan peristiwa yang banyak dirakamkan dalam ḥadīth. Dalam *Ṣaḥīḥ Bukhārī* misalnya, peristiwa ini diceritakan dalam tiga belas ḥadīth yang bersumberkan dari lima orang sahabat.²⁵⁹ Manakala dalam *Ṣaḥīḥ*

²⁵⁴ Ismail Hamid (1987), *op. cit.*, h. 52.

²⁵⁵ *Ibid.*, h. 52 & 53.

²⁵⁶ Mignel Asin Placios (1968), *Islam and Divine Comedy*, Harold Sutherland (terj.), London: Frank Cass & C. O LTD., cet. 2, h. 12.

²⁵⁷ Ismail Hamid (1981), *op. cit.*, h. 6.

²⁵⁸ Ismail Hamid (1987), *op. cit.*, h. 53.

²⁵⁹ Saleh bin 'Abd al-'Aziz (2008), *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf Kutub al-Sittah, Ṣaḥīḥ Bukhārī (Kitāb al-Ṣalāh Bāb Kayf Furiḍat al-Ṣolāh fī al-Isrā')*, No. ḥadīth 349, *Kitāb al-Ḥaj, Bāb Majā'a fī Zamzam*, No. ḥadīth 1636, *Kitāb Bad'u Khalq, Bāb Dhikr al-Mala'ika Ṣalawāt Allāh 'Alayhim*, No. ḥadīth 3207, *Kitāb Ahādith al-Anbiyā'*, *Bāb Dhikr Idrīs A.S*, No. ḥadīth 3342, *Bāb "Wahā 'Atak Ḥadīth Mūsā*, No. ḥadīth 3394, *Bāb Qawl Allāh Ta'ala Dhikr Raḥmat Rabbik 'Abdah Zakariyya*, No. ḥadīth 3430, *Kitāb Al-Manāqib, Bāb Kāna al-Nabī S.A.W Tanām 'aynuh walā Yanām Qalbuḥ*, No. ḥadīth 3570, *Bāb Ḥadīth al-Isrā'*, No. ḥadīth 3886, *Bāb al-Mi'rāj*, No. ḥadīth

Muslim pula terdapat enam belas riwayat dan bersumber dari tujuh orang sahabat.²⁶⁰ Namun, setiap satu riwayat hanya meriwayatkan satu atau beberapa bahagian daripada peristiwa *Isrā' Mi'rāj* ini. Jadi, tidak ada satu riwayat pun yang menceritakan peristiwa ini secara keseluruhan dengan menyebut kejadian-kejadian yang ada padanya.

Manakala mengenai pengarang naskhah ini, ia ditulis oleh Abdullah bin Sulayman seperti mana yang tertulis pada akhir halaman naskhah, iaitu: “*Tamat ditulis oleh Abdullah bin Sulayman pada tahun 1317.*” Namun, penulis tidak menjumpai maklumat terperinci mengenai pengarang naskhah ini. Ini kerana sastera Melayu adalah berbeza dengan sastera Eropah di mana ia mempunyai biografi sastera yang lengkap berbanding sastera Melayu.²⁶¹

Naskhah ini tidak lengkap dan tidak mempunyai kolofon. Ia mempunyai 23 halaman, namun tidak ditulis halamannya. Pada halaman terakhir ditulis “*Kata Jibra'il Salām 'Alaykum*”. Kurasnya bercerai tanpa kulit. Manakala ia menggunakan kertas laid Eropah berwarna kekuningan kesan terkena air, berlubang-lubang kecil akibat dimakan serangga, namun keseluruhannya masih berkeadaan baik. Pada amnya, kertas yang bertukar warna menjadi kekuningan, bertompok-tompok hitam dan berkulat adalah mengandungi kandungan asid yang tinggi. Tompok-tompok hitam dan kulat pula sukar tumbuh sekiranya kertas tidak

3887-3888, dan *Kitāb al-Tawhīd, Bāb Majā'a fī Qawliḥ 'Azzawajall "Wakallamallah Mūsā Taklīmā"*, No. ḥadīth 7517), c. 4, Riyāḍ: Maktabah Dār al-Salām.

²⁶⁰ Saleḥ bin 'Abd al-'Azīz (2008), *op. cit.*, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf Kutub al-Sittah, Ṣaḥīḥ Muslim (Kitāb al-Īmān, Bāb al-Isrā' bi Rasūl al-Allāh ilā al-Samāwāt*, No. ḥadīth 411-424, *Bāb Dhikr al-Masīḥ Ibn Maryam*, No. ḥadīth 430 dan *Bāb fī Dhikr Sidrah al-Muntahā*, No. ḥadīth 431).

²⁶¹ 'Abd al-Raḥmān al-Aḥmadī *et al.* (1997), *op.cit.*, h. 186.

mempunyai kandungan asid yang tinggi.²⁶² Selain itu, ia mempunyai tera air²⁶³ bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai.


Naskhah ini berukuran 25.3 x 17.12 cm dan mempunyai 11 baris. Ia ditulis dengan dakwat berwarna hitam. Tulisannya kemas, mudah di baca, namun terdapat juga tulisan yang tidak nampak disebabkan kesan terkoyak iaitu pada halaman 6 dan 7.

3.3.1 Metode Pengarang Manuskrip *Hikayat Mi'rāj Nabi*


Pengarang memulakan hikayat ini dengan kalimah “ *Bismi Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm*” dan “*Hikayat Tatkala Baginda...*”. Kebanyakan bagi setiap akhir halaman pula mempunyai “kata pengikat” bagi halaman seterusnya. Contohnya, pada halaman pertama diakhiri perkataan “dan”, kemudian pada halaman seterusnya dimulai dengan perkataan “dan” menunjukkan sambungan kepada ayat sebelumnya.

²⁶² Wan Ali Hj. Wan Mamat (1988), *op.cit.*, h. 63.

²⁶³ Menurut Labarre, tera air ialah: “ *The term used to indicate the lighter lines or markings in paper, more especially visible when the sheet is held up to the light, caused by the wires on which the paper is made or their production and by analogy, the mental design from which the impression is made.*” Ia digunakan untuk menilai kenadiran atau sifat antik sesuatu buku itu. Rujuk E. J. Labarre (1969), *Dictionary and Encyclopedia of Paper and Paper-marking*, Amstewrdam: Swets and Zeitlinger, h. 328 dan *Ibid.*, h. 11-12.



(MSS 341, h.2)



(MSS 341, h.1)


Seterusnya, pengarang manuskrip ini telah menggunakan tulisan jawi lama yang sukar difahami. Contohnya perkataan “manusia” ditulis dengan “منوسيا” dan perkataan “itu pun” ditulis dengan “ايتفون”. Tambahan pula manuskrip ini tidak mempunyai kata penghubung seperti noktah, koma dan sebagainya. Namun, ia hanya menggunakan perkataan “maka” dan “dan” bagi menghubungkan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Bahasa yang digunakan pula dipengaruhi oleh bahasa kesusasteraan Melayu Lama seperti perkataan “tatkala”, “tuan hamba”, “demikianlah bunyinya” dan sebagainya.

Selain itu, penulis mendapati terdapat banyak bentuk dialog dalam manuskrip ini terutamanya dialog di antara Nabi Muhammad dengan malaikat Jibril dan Mika'il. Contohnya ialah:


“Maka hamba pun bertanya kepada Jibril dan Mikail, Hai tuanku binatang apakah ini rupanya demikian ini. Maka kata Jibrail dan Mikail, Ya Rasulullah itulah yang bernama Burāq akan kenaikan tuan hamba...”

(MSS 341, h.5)

Terdapat juga perkataan bahasa Arab yang digunakan oleh pengarang, iaitu perkataan ‘عاصي’ yang bermaksud orang yang melakukan maksiat. Ia juga diselitkan dengan firman Allah Ta‘ala dan tasbih-tasbih daripada para malaikat. Contohnya:




(MSS 3411, h. 16)



(MSS 3411, h. 8)

3.3.2 Sinopsis Manuskrip *Hikayat Mi‘raj Nabi*

Bermula cerita ini dengan Malaikat Jibril dan Mikail diperintahkan oleh Allah Ta‘ala untuk membawa Nabi Muhammad naik ke langit dengan menaiki *Burāq* dan dipakaikan Baginda dengan mahkota dan pakaian “*sundusin wa istabraq*”. Ketika naik ke atas langit, Baginda memberi salam kepada para malaikat dan mendengar mereka bertasbih seperti berikut:



Kemudian Baginda meneruskan perjalanan dan dihidangkan dengan dua jenis minuman iaitu arak dan susu. Namun, Baginda memilih susu. Seterusnya Baginda telah mendengar suara dari kanan dan kiri tetapi tidak menghiraukannya kerana malaikat telah berpesan supaya tidak menghiraukan suara-suara tersebut. Selain itu, Baginda juga telah melihat pelbagai seksaan yang menimpa manusia. Antaranya ialah manusia yang hancur dagingnya disebabkan lupa kepada Allah semasa di dunia dan tidak menyebut namaNya. Terdapat juga manusia yang terjantai lidahnya sehingga ke kaki dan mulutnya dipenuhi dengan nanah disebabkan mereka derhaka kepada Allah, tidak mengikut apa yang disuruh oleh Allah dan tidak percaya kepada Nabi Muhammad dan sebagainya. Seterusnya Baginda bertemu dengan malaikat Mungkar dan Nakir yang mukanya hitam di mana suaranya seperti guruh dan matanya seperti api neraka.

Kesimpulannya, penulis mendapati bahawa setiap manuskrip yang dihasilkan mempunyai tujuan tersendiri untuk menyebarkan Islam mengikut suasana dan tempat tertentu untuk dibacakan kepada masyarakat. Begitu jugalah dengan manuskrip *Hikayat Mukjizat Nabi* yang terdiri daripada *Hikayat Bulan Berbelah*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan *Hikayat Mi'raj Nabi*. Ia bertujuan untuk membuktikan kebenaran kerasulan utusan Allah bagi melemahkan musuh Islam serta untuk

mengagungkan Nabi Muhammad S.A.W sebagai Nabi yang terakhir. Hikayat-hikayat ini telah dibacakan ketika umat Islam menyambut upacara keagamaan seperti *Mawlid al-Rasūl* dan sebagainya.